

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

NST MSS NATION 23/1/2025 (KHAMIS)
3-MONTH INQUIRY

PANEL FINDS NO BULLYING IN DOC'S DEATH

'Allegations of the deceased being oppressed and wronged by dept head unfounded'

AMALIA AZMI
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

An independent task force investigating the death of a doctor in Lahad Datu, Sabah, found no elements of bullying or mistreatment, which might have caused her to take her own life.

Task force chairman Tan Sri Borhan Dollah said the investigation did not find that Dr Tay Tien Yaa, a specialist at Lahad Datu Hospital, had performed tasks outside the scope of her work.

He said the three-month inquiry included interviews with 19 witnesses, comprising four family members, 11 colleagues and hospital staff, as well as four other witnesses, including the hospital's head of pathology.

Borhan said there were four key issues raised by the complainants

— Dr Tay's elder sister and younger brother — through a formal complaint to the Health Ministry's Integrity Unit on Sept 7 and a Facebook post on Sept 14 last year.

"The first was the claim that the deceased was overburdened with work and specialist tasks outside her scope.

"However, our findings revealed that the duties performed by the deceased were in line with her job description and responsibilities.

"As the deputy head of the department, the deceased was also responsible for procurement, store management matters and so forth.

"So, there is no evidence to support the claim of being overburdened or assigned tasks beyond her scope," he said.

Borhan was speaking at a press conference to reveal the findings of the investigation.

Present were Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, his deputy Datuk Lukanisman Awang Sauni, Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan and ministry secretary-general Datuk Seri Suriani Ahmad.

On claims that Dr Tay was assigned duties beyond her expertise, Borhan said the task force



Task force chairman Tan Sri Borhan Dollah says his committee has recommended that the Health Ministry provide support for staff members who are transferred in light of the death of Dr Tay Tien Yaa (inset). BERNAMA AND FILE PIX

found no basis for the allegation.

He said during on-call duties, it was standard practice for specialists to handle enquiries from various disciplines, and colleagues in specific fields were always available for consultation through group chats.

The third issue concerns allegations of the head of the department not acting as a leader and supposedly oppressing the deceased.

"The investigation found no evidence to support this claim. Colleagues and subordinates described a professional working relationship, with frequent communication and mutual support, as confirmed by interviews.

"There were no reported incidents of oppression or disputes between the head of department and the deceased," he said.

Regarding the fourth claim that Dr Tay had requested to remain in Peninsular Malaysia and avoid a transfer, Borhan said the investigation found no evidence or records of any such request or appeal made by the deceased.

Therefore, he said, the task force concluded that the allega-

tions of the deceased being oppressed and wronged by the department head were unfounded.

Borhan said the committee had also submitted several recommendations to the Health Ministry, including support for staff members who were transferred from Peninsular Malaysia to Sabah and Sarawak, and vice-versa, so they could adapt to a different culture and environment.

"The ministry should promptly implement programmes to assist those who have been transferred in adapting quickly to their new surroundings.

"So, the ministry must take swift action to support transferred personnel, ensuring that they can adapt effectively to their new environment," he said.

On Aug 29 last year, Dr Tay was found dead at her residence.

Her family later alleged that she had been mistreated and forced to work long hours.

The family's claims were shared by Dr Tay's sibling, Y.S. Tay, who described her sister's suffering under a supervisor who imposed excessive workloads on her.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**MUKA SURAT : 5****RUANGAN : NATION**

NST M/S S NATION 23/1/2025 (KHAMIS)

Dzulkefly pledges to act on recommendations

PUTRAJAYA: Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad has pledged to address the workload and resource challenges highlighted by an independent task force's investigation into the death of pathologist Dr Tay Tien Yaa.

He said though the investigation did not conclude that bullying had led to Dr Tay taking her own life, it did highlight that workplace stress and lack of resources were issues in Lahad Datu Hospital.

As such, he said he plans had been made to restructure key areas, including human resources, to address workload issues.

"I am aware of the stress and work pressure faced by the deceased... (this) was the main highlight of the findings.

"As minister, I will take special action to address the issue of limited resources. I will take steps to improve the situation and alleviate the pressure experienced by the Pathology Department."

Asked if the task force's report had been shared with Dr Tay's family, he said it had.

"I fully understand how difficult it must be for the family to process these findings. I realise the emotional burden this brings, and it must be incredibly hard for them to accept."



Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad making his way to a press conference on the findings of the independent task force into the death of Dr Tay Tien Yaa in Putrajaya yesterday.
BERNAMA PIC

AKHBAR : THESUN DAILY**MUKA SURAT : 3****RUANGAN : NATIONAL**

TSDM/5 3 NA1 23/1/25 (KHAMIS)

'New hospital shift system an option, not replacement'

PUTRAJAYA: The staggered working hours system for medical officers is not a replacement but an extra option to the on-call and shift systems, said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, adding that it is a new system that is at the proposal stage.

Dzulkefly said the system was designed by doctors for doctors in the field in selected hospital departments.

The system was developed after taking into account input from stakeholders at different levels, following the need to improve the existing work schedule system, Bernama reported.

"The selection of any work schedule arrangement is subject to the capability and availability of the respective hospital department and administration."

Previously, the Hartal Doktor Kontrak movement group called for the immediate withdrawal of the system, claiming it had caused frustration among medical officers as the Health Ministry had announced it without prior consultation with key stakeholders.

The Malaysian Medical Association also expressed concerns about the system, which it believed would exacerbate the existing shortage of staff, burden doctors with excessive duties and impact the quality of patient care.

Dzulkefly clarified that the implementation of such a pilot project could only begin once approved by the health minister, with the consent of the Public Service Department.

He said the purpose of the system is to reduce fatigue, improve the quality of life and welfare of medical officers, and enhance the quality of service.

He also said the system aims to reduce the on-call working hours from a maximum of 33 hours to 18 for each shift and ensure no medical officer works continuously for more than 24 hours.

AKHBAR : THE SUN DAILY**MUKA SURAT : 3****RUANGAN : NATIONAL**

Bullying ruled out in death of pathologist

PUTRAJAYA: The death of pathologist Dr Tay Tien Yaa in Lahad Datu, Sabah in August last year did not involve the issue of bullying or being burdened with an excessive workload, according to an independent inquiry into her death.

Independent inquiry panel chairman Tan Sri Borhan Dolah said claims of Tay being pressured, oppressed or bullied by her department head were baseless.

"If we look at the work results, they were a good team, always in contact and helping each other in their respective work affairs."

Postings on the death of Tay, who purportedly committed suicide due to bullying, was widely spread on social media last year. – Bernama



AKHBAR : BERITA HARIAN**MUKA SURAT : 6****RUANGAN : NASIONAL****BH MLS 6 NAS 23/1/25 (KHAMIS)****Gerakai!****Hartal Doktor Kontrak mahu tahu 10 pakar klinikal MAAC**

Kuala Lumpur: Gerakan Hartal Doktor Kontrak (HDK) yang juga dianggotai pegawai perubatan mempersoal 10 pakar klinikal yang diambil maklum balas di dalam Jawatankuasa Penasihat dan Tindakan Perubatan (MAAC).

Menerusi hantaran di platform sosial X, gerakan itu turut melontarkan pertanyaan kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad sebab ramai pihak yang menentang ‘Doktor untuk Doktor’.

“YB @DrDzul; Dr Zulkefly). Sebagai pihak yang terkesan, kami ingin bertanya, siapa 10 pakar klinikal dalam MAAC?

“MAAC dikatakan telah mendapatkan maklum balas daripada pegawai perubatan. Bila? Di mana? Berapa ramai?

“Doktor untuk doktor. Tetapi kenapa ramai yang tentang?” demikian hantaran gerakan di platform sosial X, kelmarin.

Kelmarin, Dr Dzulkefly dilaporkan berkata, pelaksanaan sistem Waktu Bekerja Berlainan+(WBB) bagi pegawai perubatan pada Februari ini bergantung kepada keputusan MAAC.

Beliau berkata, ini disebabkan kerana pelaksanaan sistem syif waktu bekerja berperingkat kekal sebagai perkara dalaman yang perlu ditangani oleh MAAC dan jabatan berkaitan.

Menurutnya, pelaksanaan sebuah projek rintis seperti WBB hanya boleh dimulakan dengan kelulusan menteri dan persetujuan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Penjelasan berkenaan merujuk kepada surat edaran pelaksanaan WBB Fasa 1 yang tular di media sosial baru-baru ini, yang ditandatangani oleh Pengarah Perkembangan Perubatan Kesihatan KKM, Datuk Dr Mohd Azman Yacob.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

BH M/S 6

NASIONAL 23/1/25 (KHAMIS)

Kematian doktor pakar bukan disebabkan buli

Dapatan siasatan tak menemukan mendiang dipaksa laksana tugas di luar skop kerja

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kematian pakar perubatan patologi di Hospital Lahad Datu, Sabah pada Ogos tahun lalu, bukan disebabkan menjadi mangsa buli atau dizalimi.

Perkara itu dimaklumkan oleh pengurus jawatankuasa khas bebas yang ditubuhkan bagi menyiasat kematian Dr Tay Tien Yaa, Tan Sri Borhan Dollah di sini, semalam.

Borhan berkata, dapatan daripada siasatan yang dilaksanakan pasukannya tidak memenuhi mangsa dipaksa melaksanakan tugas di luar skop pekerjaan.

Katanya, dapatan itu juga berdasarkan temu bual dengan 19 saksi membabitkan empat ahli keluarga mendiang, 11 kakitangan Hospital Lahad Datu serta empat saksi lain.

"Ada dua aduan dikemuka kepada siasatan, tidak timbul perkara itu dan mereka bekerja secara profesional. Ini dapat dibuktikan daripada temu bual rakan yang lain, pegawai bawahan dan sebagainya," katanya.

"Hasil daripada penyiasatan, kita dapati tugas dilakukan mendiang seperti ditetapkan dalam senarai skop tugas. Tidak ada satu pun yang satu-satunya kita dapati di luar skop atau luar bidang tugas beliau."

"Selaku Timbalan Ketua Jabatan 1, mendiang bertang-



Keratan akhbar BH
17 September 2024.

gungjawab menguruskan perolehan dalam isu penjagaan stor dan sebagainya. (Berdasarkan) bukti dokumen dan temu bual, kita tidak nampak sebarang isu berkaitan beliau dihubungkan dengan kerja yang terlalu banyak atau di luar skop kerjanya," katanya pada sidang media.

Yang turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Borhan berkata, isu kedua ialah mendiang dibebani sebagai tempat rujukan pegawai perubatan yang di luar bidang kerjanya, namun pasukan petugas yang menjalankan siasatan tidak menemui sebarang bukti berhubungan perkara itu.

"Ketiga, isu berkaitan dakwanan menyatakan ketua jabatan (patologi) tidak bertindak sebagai pemimpin dan menindas serta menyalimi mendiang ketika bertugas.

"Kita dapat berdasarkan kepada siasatan, tidak timbul perkara itu dan mereka bekerja secara profesional. Ini dapat dibuktikan daripada temu bual rakan yang lain, pegawai bawahan dan sebagainya," katanya.

Borhan berkata, isu keempat ialah dakwaan mendiang ada memohon untuk dikekalkan bertugas di Semenanjung dan tidak mahu bertukar.

"Hasil dapatan kita, memang tidak ada. Dapat dari Jabatan Sumber Manusia, tidak ada sebarang rayuan seperti di-



Borhan pada sidang media di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

dakwa," katanya.

Laksana tugas dengan baik

Beliau berkata, jawatankuasa khas bebas itu merumuskan dakwaan kononnya mendiang ditindas dan dizalimi oleh ketua jabatannya, tidak berbangkit.

Katanya, mendiang bersama kakitangan jabatan itu bekerja sebagai satu pasukan yang baik, sentiasa berhubungan dan saling membantu dalam kerja masing-masing.

Borhan berkata, selain dapan berkaitan insiden itu, jawatankuasa berkenaan turut menggunakan syor kepada Kementerian Kesihatan (KKM).

"Ada beberapa syor yang kita majukan kepada pihak kementerian. Antaranya yang boleh safa sebutkan ialah mana-mana pegawai bertukar tempat sama ada Semenanjung, Sabah dan Sarawak, kementerian perlu cepat mengadakan program membantu pegawai yang bertukar ini untuk segera beradaptasi," katanya.

Borhan menegaskan mendi-

ang sebagai gadis bandar, mungkin berdepan cabaran untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan di Lahad Datu, sebuah bandar terpencil dengan kemudahan yang terhad.

"Antara cadangan yang boleh saya nyatakan untuk mereka yang dipindahkan antara tiga Sabah, Sarawak, dan Semenanjung Malaysia. Memandangkan perbezaan budaya, persekitaran, dan sebagainya, ia boleh menjadi sangat mencabar bagi seseorang yang bersendirian."

"Kami mencadangkan supaya kementerian segera melaksanakan program untuk membantu pegawai menyesuaikan diri dengan persekitaran baru mereka."

"Sebagai contoh, dalam kes Dr Tay, beliau bersendirian ketika berpindah ke Lahad Datu. Datang daripada latar belakang sebagai seorang gadis bandar. Kita boleh bayangkan penyesuaian yang diperlukan apabila beliau berpindah ke Lahad Datu, sebuah bandar yang agak terpencil dengan budaya dan persekitaran kerja yang berbeza," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

BERITA HARIAN MITS 6 NASIONAL 23/1/2025 (KHAMIS)

KKM ambil tindakan segera tangani isu bebanan kerja petugas kesihatan

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) memberi jaminan akan mengambil tindakan segera susulan dapatan jawatankuasa khas bebas yang ditubuhkan bagi menyiasat kematian pakar patologi, Dr Tay Tien Yaa di Lahad Datu, Sabah.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pihaknya akan menstrukturkan beberapa perkara antaranya

membabitkan sumber manusia bagi mengurangkan isu bebanan kerja.

"Saya sangat insaf dan sedar mengenai tekanan kerja yang ditanggung oleh mendiang, (ini) menjadi faktor utama yang menonjol dalam dapatan siasatan ini.

"Saya sebagai menteri pastinya akan mengambil tindakan khas dalam apa yang disebutkan

(menangani isu) sumber tenaga yang terhad," katanya pada sidang media hasil dapatan laporan jawatankuasa menyiasat kematian doktor pakar berkenaan.

Dr Dzulkefly berkata, beliau akan mengambil tindakan untuk memperbaiki keadaan dan tekanan seperti yang dihadapi klinik perubatan.

Ditanya sama ada laporan ja-

watankuasa itu sudah dikemukakan kepada keluarga mendiang, beliau sekadar berkata ya.

"Ya saya sangat memahami dan kita semua boleh memahami. Ia pastinya (menjadi) bebanan emosi (kepada keluarga).

"Saya memahami dan sedar sukarinya keluarga untuk menerima dapatan seperti mana yang disebutkan oleh jawatankuasa bebas ini," katanya.

Saya sebagai menteri pastinya akan mengambil tindakan khas dalam apa yang disebutkan (menangani isu) sumber tenaga yang terhad

Dr Dzulkefly Ahmad,
Menteri Kesihatan



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/S 3 B/NEL 23/1/2025 (KHAMIS)

KKM ambil tindakan segera isu tekanan di tempat kerja

Oleh KAMARIAH KHALIDI
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) akan mengambil tindakan segera dalam menguruskan isu berkaitan tekanan di tempat kerja susulan hasil dapatan pasukan petugas khas bebas yang menyiasat insiden kematian pakar perubatan patologi di Hospital Lahad Datu, mendiang Dr. Tay Tien Yaa pada Ogos tahun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya menyedari isu tersebut adalah menonjol berdasarkan siasatan yang dijalankan.

“Saya hanya mengulangi apa yang Tan Sri (Borhan Dollah) sebutkan dan pelaporan yang dibuat kepada kami. Saya (juga) sangat insaf dan sedar akan tekanan kerja yang didepani dan ditanggung oleh mendiang Dr.

Tay itu menjadi (punca) utama yang muncul daripada dapatan siasatan ini.

“Saya sebagai menteri pastinya ke depan nanti, saya akan mengambil tindakan khasnya dalam apa yang disebut sebagai situasi yang sumbernya terhad, berbanding mendiang yang bekerja di HKL dahulu (dan) berpindah ke Hospital Lahad Datu yang (mempunyai) sumber terhad, itu lah antara sebab dan punca utama stress dan tekanan kerja yang didepani oleh beliau.

“Saya akan mengambil tin-dakan untuk menyusuli dan memperbaiki keadaan sebegitu,” katanya pada sidang akbar di Kementerian Kesihatan di sini semalam.

Terdahulu, pasukan petugas khas bebas yang menyiasat insiden kematian tersebut mendedahkan bahawa dakwaan berhubung mendiang Dr.

Tay ditindas dan dizalimi di tempat kerja adalah tidak berbangkit.

Tan Sri Borhan Dollah yang mempergerusikan pasukan itu berkata, seramai 19 orang saksi telah ditemui bual yang terdiri daripada empat ahli keluarga, 11 kakitangan Hospital Lahad Datu termasuk empat saksi lain serta ketua jabatan patologi.

Dalam pada itu, Dzulkefly mengesahkan bahawa laporan petugas khas itu telah dikemukakan kepada keluarga mendiang Dr. Tay.

“Ya, saya sangat memahami dan kita semua boleh memahami yang pastinya (menjadi) bebanan emosi (kepada keluarga). Saya memahami dan sedar sukaranya keluarga untuk menerima dapatkan seperti mana yang disebutkan oleh jawatankuasa bebas ini,” katanya.

Dzulkefly turut menegaskan beliau tidak akan berkom-

promi dalam apa jua bentuk perlakuan buli dan akan membanteras itu tersebut secara habis-habisan.

“Saya sekali lagi menegaskan sebagai menteri yang kali kedua mengemudi kementerian ini, pastinya tidak akan berkompromi dengan apa jua dakwaan buli dan itu adalah sangat penting untuk saya pastikan, walau apa pun keputusan dan pemakluman pada kali ini, saya tetap akan mengangkat isu menangani dan membanteras fenomena buli ini.

“Yang jelasnya daripada pen-takrifan pakar yang mengemudi pasukan ini, dakwaan tentang buli itu tidak tidak mengisi atau tidak memenuhi takrifan buli, tetapi terkait dengan beberapa faktor yang disebutkan oleh Tan Sri (Borhan) sebentar tadi (mengenai) tekanan kerja yang sangat menekan jiwa mendiang Dr. Tay,” katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA MLS 7 O/NEGERI 23/1/25 (KHAMIS)

Buli bukan punca kematian Dr. Tan Tien Yaa

PETALING JAYA: Kematian pakar perubatan patologi di Hospital Lahad Datu, Sabah, Dr. Tay Tien Yaa pada Ogos tahun lalu, bukan disebabkan menjadi mangsa buli atau dizalimi.

Hasil itu dimaklumkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Khas Bebas yang ditubuhkan bagi menyiasat kematian pakar patologi berkenaan, Tan Sri Borhan Dollah, semalam.

Menurutnya, tiada bukti menunjukkan Tien Ya menanggung beban kerja di luar skop atau permohonan pertukaran ke Semenanjung Malaysia diabaikan.

Katanya, jawatankuasa bebas itu sudah menyemak 41 dokumen, termasuk gambar dan video, dalam inkuirinya terhadap kematian doktor tersebut.

Pada 16 September lalu, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad menggesa siasatan terperinci dilakukan berhubung dakwaan kematian seorang doktor pakar di Hospital Lahad Datu, Sabah disebabkan bunuh diri akibat dibuli.

Pakar perubatan patologi di Hospital Lahad Datu, Sabah itu meninggal dunia pada 29 Ogos lalu. Adiknya mendakwa buli mungkin antara faktor menyebabkan kematian kakaknya.

Ia mendorong Persatuan



TAY Tien Yaa meninggal dunia di rumah sewanya di Lahad Datu, Sabah pada 29 Ogos tahun lalu.

Perubatan Malaysia menggesa Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kesihatan Sabah mempercepatkan siasatan menyeluruh terhadap kematian Tien Ya kerana bimbang kesihatan mental dan kesejahteraan doktor dalam sistem penjagaan kesihatan awam.

Ketua Polis Daerah Lahad Datu, Asisten Komisioner Dzulbaharin Ismail berkata pihaknya mengetahui dakwaan di media sosial daripada ahli keluarga mendiang bahawa mangsa dipercayai membunuh diri kerana dibuli.

Dzulbaharin memaklumkan, polis menunggu laporan daripada Jabatan Kimia sebelum memajukan kes berkenaan kepada pihak berkaitan untuk tindakan lanjut.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/9 NASIONAL 23/1/2025 (KHAMIS)

Kematian Dr Tien Yaa bukan sebab ditindas

PUTRAJAYA - Dakwaan mengaitkan kematian Pakar Perubatan Patalogi di Hospital Lahad Datu, mendiang Dr Tay Tien Yaa ditindas pegawai atasannya menghadapi beban tugas melampaui didapati tidak berlaku.

Sebaliknya Pengerusi Pasukan Petugas Khas bagi menyiasat kematian itu, Tan Sri Borhan Dollah mendedahkan, Dr Tien Yaa bekerja sebagai satu pasukan yang baik, sentiasa berhubungan dan saling membantu dalam urusan kerja.

"Kami merumuskan bahawa apa yang dikatakan selama ini bahawa Dr Tien Yaa ditindas, dizalimi dan juga dibuli oleh ketua jabatannya tidak berbangkit dalam isu ini," katanya menerusi sidang akbar pada Rabu.

Menurut beliau, kaedah kualitatif dan kualitatif analisis digunakan sepanjang

siasatan dijalankan melibatkan 19 saksi yang terdiri daripada empat ahli keluarga, 11 kakitangan hospital, orang yang diadu, dokumen dan rakaman video serta lawatan ke rumah sewa didiami mendiang.

Ujarnya, terdapat empat isu yang dibangkitkan oleh dua pengadu iaitu kakak dan adik mendiang dalam aduan bersangan iaitu e-mel pada 7 September 2024 dan 14 September tahun sama menerusi harian di laman Facebook.

Menyentuh isu mendiang dibebani tugasan di luar skop, Borhan menjelaskan siasatan mendapati tugasan dilakukan Dr Tien Yaa adalah seperti mana ditetapkan dalam senarai dan bidang tugasnya.

"Tidak ada pun yang satu-satunya kita dapatti bahawa tugas tugas di luar skop.

"Selaku Timbalan Ketua Jabatan I, mendiang waktu itu juga bertanggungjawab urus perolehan, jaga stor

dan sebagainya.

"Jadi kita nampak di situ tidak timbul sebarang isu berkaitan kerja terlalu banyak, begitu juga tugas di luar skop," kata-nya.

Beliau berkata, tiada bukti menyokong dakwaan kedua bahawa mendiang dirujuk sebagai pegawai perubatan bagi urusan di luar bidang.

"Kalau ada pun dalam tugasan *on call* di mana semasa kita bertugas sebagai orang *on call* kita kena jawab semua soalan yang didatangkan dari pelbagai bidang.

"Bila-bila masa beliau boleh merujuk kepada rakan rakan dalam bidang yang lain kerana mereka mempunyai *group chat* masing-masing," kata Borhan.

Jelasnya, tuduhan yang menyatakan ketua jabatan tidak bertindak sebagai pemimpin, menindas dan menzalimi mendiang semasa bertugas juga tidak timbul.

"Kami dapati mereka bekerja secara profesional, ada *group chat* dan perkara ini sentiasa dibuktikan daripada temu bual rakan, pegawai bawahan, pegawai perubatan dan sebagainya.

"Tidak terdapat sebarang insiden mendiang bertengkar dengan pegawai diadu serta sebagainya," kata beliau.

Siasatan yang dijalankan pasukan itu turut mendapati tiada sebarang rayuan dikemukakan oleh Dr Tien Yaa untuk mengekalkan beliau di Semenanjung sebagaimana didakwa.

Sementara itu, Borhan menjelaskan pasukan petugas khas menggesa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil tindakan segera untuk membantu pegawai dan kakitangan yang bertukar tempat terutamanya di tiga sektor iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

Struktur semula pegawai KKM atasi tekanan kerja

KKM ambil tindakan atur gerak tenaga kerja terhad

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mengambil tindakan segera termasuk penstrukturkan semula pegawai dan kakitangan dalam usaha mengurangkan tekanan di tempat kerja.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menjelaskan pihaknya menyedari isu tersebut menonjol dalam siasatan yang dijalankan ke atas kematian Pakar Perubatan Patalogi di Hospital Lahad Datu, mendiang Dr Tay Tien Yaa.

"Sebagai menteri pastinya saya akan mengambil tindakan mengatur gerak sumber tenaga kerja yang terhad," katanya.



DR DZULKEFLY

Beliau berkata demikian menerusi sidang akhbar selepas laporan kematian Dr Tien Yaa di-dedahkan pasukan petugas khas yang dipengerusikan oleh Tan Sri Borhan Dollah di sini pada Rabu.

Dalam pada itu, Dr Dzulkefly mengesahkan laporan petugas khas itu telah dikemukakan kepada keluarga Dr Tien Yaa.

"Ya saya sangat memahami dan kita semua boleh memahami yang pastinya (menjadi) bebanan emosi (kepada keluarga).

"Saya memahami dan sedar sukaranya keluarga untuk menerima dapatkan seperti mana yang disebutkan oleh jawatankuasa bebas ini," katanya.



MOHD YADZIL

HDK persoal 10 pakar klinikal diambil maklum balas

Gambar: Screenshot of a social media post from 'Hartal Doktor Kontrak MAAC' (@HartalDoktorKontrakMAAC). The post discusses the Ministry of Health's (KKM) proposal to restructure staff and reduce workload. It includes a link to a document titled 'Rancangan Struktur Semula Pegawai KKM Atasi Tekanan Kerja' (Proposed Restructuring of KKM Staff to Ease Workload) dated 22 Jan 2025. The post has 5,263 likes and 114 comments.

Tangkap layar hantaran HDK di aplikasi X.

KUALA LUMPUR - Gerakan Hartal Doktor Kontrak (HDK) mempersoalkan tentang 10 pakar klinikal yang memberikan maklum balas kepada Jawatankuasa Penasihat dan Tindakan Perubatan (MAAC).

Gerakan itu menerusi hantaran di aplikasi X turut melontarkan pertanyaan kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad mengenai pihak yang menentang kumpulan yang didakwa mewakili 'Doktor untuk doktor'.

"YB Dr Zulkefly. Sebagai pihak yang terkesan, kami ingin bertanya, siapa 10 pakar klinikal dalam MAAC? MAAC dikatakan

telah mendapatkan maklum balas daripada pegawai perubatan. Bila? Di mana? Berapa ramai? Doktor untuk doktor. Tetapi kenapa ramai tentang?" soalnya.

Kenyataan itu dibuat sebagai respons kepada Dr Dzulkefly yang mengeluarkan kenyataan cadangan Waktu Bekerja Berlainan (WBB) bagi pegawai perubatan merupakan tambahan pilihan kepada sistem sedia ada, bukan untuk menggantikannya.

WBB merupakan sistem syif baru untuk petugas penjagaan kesihatan awam yang masih di peringkat cadangan.

Malah dalam sidang akhbar khas mengenai isu WBB di

Putrajaya baru-baru ini, beliau turut menjelaskan sistem berkenaan dibangunkan oleh doktor untuk doktor di lapangan bagi sesetengah jabatan hospital.

Sistem itu dibangunkan setelah mengambil kira pelbagai input daripada pihak berkepentingan di pelbagai peringkat dan keputusan dibuat setelah mendapat wujudnya keperluan segera untuk menambah baik sistem aturan kerja sedia ada.

Sebelum itu, HDK menggesa Kementerian Kesihatan menarik balik WBB serta-merta dengan dakwaan ia dibangunkan tanpa penglibatan pihak berkepentingan utama.

'WBB bukan bala, tetapi buli petugas kesihatan'

SHAH ALAM - Cadangan pelaksanaan Waktu Bekerja Berlainan (WBB) tidak dilihat seperti pendekatan yang membela kebijakan petugas kesihatan, sebaliknya membuji golongan berkenaan.

Ahli Majlis Pimpinan Tinggi (MPT) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Dr Mohd Yadzil Yaakub mendakwa, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad bersikap 'baling batu sembunyi tangan' seolah-olah mencari sokongan majoriti petugas kesihatan selepas mengeluarkan kenyataan tentang WBB.

Menurutnya selaku pengamal perubatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) diibaratkan sebagai 'kambing hitam' dan persetujuannya sekadar dijadikan alasan untuk pelaksanaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bemban itu turut mempersoalkan kewajaran berbuat demikian kerana ia mungkin merencangkan hasrat orang ramai mencebur iadi badang kesihatan.

"Libat urus sekadar syarat bukan dapatkan pandangan atau maklum balas, tetapi hanya mahu menjelaskan apa diputus dan bakal dilaksanakan."

"Setuju atau tidak hanya perlu dengar dan akhirnya dipaksa akur dengan apa ditetapkan. Waktu kerja dipendekkan, tetapi beban semakin bertambah dengan bayaran on-call dinafikan."

"Mana dimaksudkan menteri jika kebijakan petugas kesihatan? Sudahlah belajar susah, kerja susah, pendapatan pun tidak menarik," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Rabu.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NEGARA

KOSMO M/S 12 NEUPAKA 23/1/2025 (KHA)

Dakwaan mendiang Dr. Tay ditindas, dizalimi tidak berbangkit

PUTRAJAYA – Pasukan petugas khas bebas yang menyiasat insiden kematian pakar perubatan patologi di Lahad Datu, Sabah pada Ogos tahun lalu mendedahkan, dakwaan mendiang Dr. Tay Tien Yaa ditindas dan dizalimi di tempat kerja adalah tidak berbangkit.

Tan Sri Borhan Dollah yang mempengerusikan pasukan itu berkata, mereka menggunakan kaedah analisis kuantitatif dan kualitatif dengan menemui bual seramai 19 saksi terdiri daripada empat ahli keluarga, 11 kakitangan Hospital Lahad Datu termasuk empat saksi lain serta ketua jabatan patologi.

Beliau berkata, pasukan petugas khas itu turut menyemak sebanyak 41 dokumen yang terdiri daripada gambar, rakaman video, laporan perubatan dan laporan polis selain turut melakukan lawatan ke jabatan berkenaan termasuk rumah sewa mendiang.

Katanya, empat isu yang disiasat adalah berkaitan dakwaan mendiang dibebani dengan tugas, menjadi rujukan pegawai perubatan yang di luar bidang kerja, ditindas dan dizalimi oleh ketua jabatan ketika bertugas serta berkaitan permohonan untuk dikekalkan di Semenanjung.

“Dapat kita rumuskan bahawa apa yang dikatakan selama ini bahawa mendiang Dr. Tay ditindas, dizalimi dan dibuli oleh ketua jabatan adalah tidak berbangkit. Malah, kalau kita lihat dari segi dapatan hasil kerja, mereka bekerja sebagai satu kumpulan yang baik, sentiasa berhubung dan saling membantu dalam urusan kerja masing-masing.

“Itu sahaja dapatan kita *for the time being* bahawa dapat kita rumuskan (mengenai) dakwaan keluarga bahawa mendiang Dr. Tay ini dibuli oleh



DR. TAY

ketua jabatan adalah tidak berlaku sedemikian berdasarkan kepada keempat-empat isu yang dibangkitkan pengadu,” katanya menerusi sidang akhbar di sini semalam.

Sebelum ini, media melaporkan, seorang pakar di Hospital Lahad Datu ditemukan mati di kediamannya pada 20 Ogos tahun lalu, dipercayai mempunyai kaitan dengan insiden buli di tempat kerja.

Seterusnya, pada Oktober 2024, Kementerian Kesihatan (KKM) mengumumkan penubuhan pasukan petugas khas bebas berkuat kuasa 10 Oktober bagi menyiasat insiden itu.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai empat isu yang disiasat, bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam itu berkata, mendiang juga tidak dibebani dengan tugas pakar di luar skop kerja seperti yang didakwa.

“Terdapat empat isu dibangkitkan dalam aduan (ahli keluarga mendiang) dengan isu pertama adalah dibebani dengan tugas pakar di luar skop kerja yang terlalu berat. Hasil siasatan, kita mendapati tugasan dilakukan mendiang adalah seperti mana ditetapkan dalam senarai tugas,” katanya.